



**ANTARA yang menghadiri Majlis Santai MSM 2018/2019.**

UB 97.9.2018 B2

## JHEP adakan Majlis Santai MSM 2018/2019

**KOTAKINABALU:** Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Majlis Santai Minggu Suai Mesra (MSM) sesi 2018/2019 pada 21 September 2018 bertempat di Anjung Siswa, JHEP, UMS.

Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi menghargai ahli jawatankuasa MSM dan Pembimbing Suai Mesra (PSM) yang menjayakan MSM kali ke-24 sesi 2018/2019 baru-baru ini.

Majlis berkenaan

dihadiri hampir 240 orang PSM termasuk majlis tertinggi/majlis eksekutif kelab/persatuan/organisasi mahasiswa.

Ketua Jabatan JHEP Ahmadi Nurdin dalam ucapannya berkata bahawa MSM sesi 2018/2019 berjaya dilaksanakan dan beliau mengucapkan tahniah kepada para PSM yang membantu jawatankuasa induk MSM dalam menjayakan sesi ini.

Tambahnya, pada masa akan datang diharap ada penambahan dan cadangan

daripada mahasiswa/i dalam meningkatkan lagi keberkesanannya sistem perkhidmatan dan perjalanan MSM agar lebih baik dan mencapai matlamatnya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof Dr Ismail Ali, pengetua-pengetua kolej kediaman, pegawai-pegawai dan staf UMS, Pengarah PSM MSM Kali Ke-24 bagi sesi 2018/2019 UMS Muhamad Jivean Johan Wira Ahmad dan mahasiswa-mahasiswi UMS.